

**TEKS UCAPAN**  
**YBHG DATO' HAJI ISMAIL BIN MD SALLEH**

**SEMPENA**  
**PERHIMPUNAN BULANAN**

**PADA**  
**27 JANUARI 2015**

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS.

Y.BERUSAHA TN. HAJI IR MOHD SALEH BIN SANTHIMAN

TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

Y.BHG DATO' SR AZIZ BIN ABDULLAH

TIMBALAN KETUA PENGARAH (BISNES)

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

Y. BERUSAHA PN. ZURAIDA BTE SHAHARUDIN

PENGARAH KANAN PENGURUSAN

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN

PEGAWAI DAN KAKITANGAN LLM

TUAN – TUAN DAN PUAN – PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN

ASSALAMUALAIKUM WBT DAN SALAM 1 MALAYSIA.

## **PENDAHULUAN**

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadirat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia serta keizinan-Nya, dapat kita berhimpun pada pagi ini di mana pada kali terakhir kita berkumpul adalah pada bulan Oktober 2014. Pada kesempatan ini masih belum terlewat untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baru 2015 kepada semua warga LLM.

2. Tahun 2014 merupakan tahun yang mencabar buat negara kita khususnya apabila kehilangan 2 buah pesawat serta banjir besar yang melanda negeri-negeri di Pantai Timur, Perak, Perlis, Johor dan Negeri Sembilan dan yang terkini Sarawak dan Sabah antara ujian besar yang kita hadapi. Tahun 2014 telah melabuhkan tirai dengan meninggalkan kita dengan lakaran pelbagai kejayaan, pengalaman pahit serta cabaran dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai agensi pelaksana di dalam industri lebuh raya bertol. Mengharungi cabaran sepanjang tahun 2014 yang lalu diharap akan dapat menjadi sempadan dan teladan untuk kita terus berusaha dengan lebih gigih lagi pada tahun 2015.

3. Dalam menangani musibah yang dihadapi, saya melihat ada hikmah yang tersirat dibaliknya. Semangat perpaduan, kerjasama serta keprihatinan segenap lapisan masyarakat Malaysia dapat dilihat dan seharusnya dipuji. Pertolongan serta sumbangan yang tidak putus kepada mereka yang memerlukan tanpa mengira latar belakang politik, agama serta budaya menunjukkan betapa semangat perpaduan kita masih utuh. Semangat inilah yang akan memperkasakan kita dalam mendepani cabaran di masa akan datang.

## **BENCANA BANJIR PENGHUJUNG TAHUN 2014**

4. Seperti mana yang saya sebut tadi, tirai tahun 2014 ditutup dengan kesayuan dan kesedihan oleh semua rakyat Malaysia. Banjir buruk yang berlaku di negara kita terutama di negeri-negeri Pantai Timur sudah pasti akan memberi kesan kepada kita. Berat mata kita memandang, berat lagi bahu yang memikul. LLM sedaya upaya mengkoordinasi sumbangan dengan PSKLM dan pada 30 Disember 2014 yang lalu, sumbangan segera berjumlah RM100,000 telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Sri Ketua Setiausaha KKR. Sumbangan ini disalurkan melalui Majlis Keselamatan Negara bagi membantu mangsa-mangsa banjir di Kelantan dan Terengganu hasil kutipan secara kolektif berjumlah RM300,000.00 yang berjaya dikumpulkan. Baki sumbangan sebanyak RM100,000.00 pula akan disalurkan melalaui MKN bagi mangsa banjir di Perak dan Pahang dan selebihnya disalurkan oleh Persatuan Syarikat - Syarikat dalam bentuk tenaga kerja, makanan, pakaian, dan lain-lain bagi membantu mangsa-mangsa banjir untuk meringankan beban kehidupan yang terjejas teruk akibat bencana itu.

5. Badan Kebajikan Sosial dan Sukan LLM juga tidak ketinggalan dan telah menganjurkan Golf Amal pada 11 Januari lalu untuk mengumpul dana sumbangan kepada mangsa banjir. Pada masa yang sama pasukan sukarelawan LLM turut digerakkan untuk membantu mangsa-mangsa banjir di Temerloh, Pahang bersama Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan syarikat konsesi pada 9 -10 Januari 2015 bagi kerja-kerja pembersihan sekolah, masjid dan bangunan awam. Pada 17, 21 dan 22 Januari 2015 yang lalu, pasukan sukarelawan LLM bersama KKR dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi turut membantu melakukan kerja-kerja pembersihan di Pekan, Pahang. Pasukan sukarelawan LLM juga akan terus digerakkan dengan kerjasama PSKLM bagi bantuan pasca banjir yang akan diadakan di kawasan bagi negeri Perak, Pahang, Kelantan dan

Terengganu. Saya ingin mengucapkan terima kasih dan syabas atas semangat sukarelawan yang ditunjukkan oleh warga LLM yang telah menyumbangkan tenaga dan wang ringgit. LLM juga tidak melupakan warga kita di mana keluarga mereka yang terlibat dengan bencana banjir ini akan diberi sumbangan yang sewajarnya bagi membantu meringankan beban yang ditanggung.

6. Bencana banjir pada kali ini turut memberi kesan kepada Lebuh raya Pantai Timur 1 dan 2 yang turut ditenggelami air di beberapa lokasi menyebabkan laluan perhubungan ke Kelantan dan Terengganu terputus. Pemantauan terhadap aset dan perabot lebuh raya seperti turapan, struktur papan tanda dan cerun perlu dipergiatkan agar berada dalam keadaan kukuh dan selamat. Selain daripada itu, kita juga perlu memperkemaskan SOP dari segi pengurusan trafik dan komunikasi apabila berlaku banjir di lebuh raya. Maklumat-maklumat perlu disalurkan dengan pantas dan koordinasi maklumat dengan agensi lain perlu dimantapkan agar maklumat berkenaan laluan selain daripada lebuh raya dapat disalurkan jika lebuh raya terputus hubungan.

7. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Pasukan Gerakan Bencana yang dikelola oleh Pusat Pengurusan Trafik LLM dengan kerjasama JKR yang beroperasi 24 jam sehari bagi tempoh kritikal tersebut bagi memberi bantuan dan maklumat berhubung penutupan lebuh raya dan pengesyoran jalan alternatif yang terlibat dengan banjir.

Hadiri yang dihormati sekalian,

## **BANTAHAN PROJEK DALAM PERANCANGAN**

8. Pelbagai cabaran juga diharungi oleh LLM dalam memenuhi keperluan dan kehendak pengguna lebuh raya. Cabaran yang mendatang bukanlah cabaran yang asing bagi kita. Sebagai contoh isu bantahan projek lebuhraya Sungai Besi - Ulu Kelang (SUKE), LebuhrayaKinrara – Damansara (KIDEX) dan LebuhrayaDamansara- Shah Alam (DASH) berkaitan isu kesihatan penduduk kesan daripada pembinaan, kesesakan ketika pembinaan dan sosial serta nilai estetika. Dalam hal ini LLM telah mengadakan sesi *public engagement* dan dialog dengan penduduk untuk menerangkan pelaksanaan projek, dan faedahnya kepada masyarakat setempat di samping mendengar pendapat dan pandangan mereka. Alhamdulillah bantahan bagi projek ini dapat dikurangkan dan isu-isu yang dibangkitkan ditangani dengan baik.

9. Dari pengalaman ini, kita dapat merumuskan bahawa rakyat sangat peka dan secara terbuka memperjuangkan pendapat dan pandangan masing-masing dalam pembangunan lebuh raya bertol di negara ini. Pengalaman yang ditimba melalui cadangan projek-projek sedemikian perlu diambil bagi perancangan projek-projek lebuh raya akan datang dengan mengambil kira aspek-aspek yang disuarakan oleh rakyat.

## **OPERASI DAN PENYENGGARAAN LEBUH RAYA**

10. Tahap operasi dan penyenggaraan lebuh raya adalah kayu pengukur kepuasan pengguna lebuh raya. Justeru itu beberapa tindakan telah diambil yang merangkumi aspek penyenggaraan, isu kemalangan dan juga masalah kesesakan di lebuh raya.

11. Bagi mempertingkatkan kualiti pengurusan aset lebuhraya di negara ini, LLM telah memperkenalkan Sistem Pengukuran Prestasi (*Key Performance Indicator*) terhadap aset lebuhraya yang merangkumi 3 elemen penting iaitu Pengukuran Tahap Ketahanan (*Durability Measure*), Pengukuran Tahap Operasi (*Operational Measure*) dan Penilaian Pengurusan Lebuhraya (*Management Measure*). Dengan pelaksanaan KPI ini, semua aset lebuhraya dapat diukur prestasinya supaya ia sentiasa di selenggara dengan baik.

12. Selain itu, perhatian yang serius turut diambil bagi kemalangan-kemalangan yang berlaku di lebuhraya. Daripada analisa yang dilaksanakan, punca utama kepada berlakunya kemalangan ini adalah disebabkan oleh faktor sikap pemandu di samping kenderaan yang tidak diselenggara dengan baik. Walau bagaimanapun, kita perlu memastikan syarikat konsesi juga sentiasa mengambil tindakan daripada aspek kejuruteraan bagi membantu mengurangkan kejadian kemalangan ini dengan penggunaan turapan jenis '*High Skip Resistance*' di kawasan-kawasan tertentu, menaiktaraf parapet jambatan dan sebagainya.

13. Kualiti perkhidmatan lebuhraya juga merangkumi kelancaran perjalanan dari satu destinasi ke destinasi yang lain melalui lebuhraya. Kini, kebanyakan lebuhraya khususnya pada waktu puncak dan perayaan sering mengalami masalah kesesakan. Tahun lepas kita telah mengambil beberapa langkah mitigasi seperti :

- I. pembinaan lorong tambahan daripada 3 lorong kepada 4 lorong yang melibatkan laluan Lebuhraya Utara Selatan antara Rawang-Sungai Buloh sepanjang 13 kilometer, Shah Alam-SungaiBuloh (16 kilometer), Bukit Lanjan-Jalan Duta (7 kilometer) dan Persimpangan Nilai Utara-Seremban (27 kilometer) yang juga merupakan pelengkap kepada pelebaran lorong ketiga di antara Seremban – Ayer Keroh yang telah siap pada tahun 2007.

- II. Pembinaan lorong mendaki dari Slim River (KM 371.80) ke Sungkai (KM 367.24) arah Utara sepanjang 4.5 kilometer telah siap dibina. Pembinaan ini dijangka akan dapat membantu mengurangkan kesesakan di jajaran tersebut.
- III. Sehingga Disember 2014, sebanyak 7 buah plaza tol telah mengaplikasikan pembayaran tol secara elektronik sepenuhnya, iaitu:
- Plaza Tol Bangunan Sultan Iskandar (BSI);
  - Plaza Tol Kempas;
  - Plaza Tol Sg. Rasau;
  - Plaza Tol Batu Tiga;
  - 3 plaza tol di Lebuhraya LINKEDUA Malaysia – Singapura (Plaza Tol Tanjung Kupang, Plaza Tol Lima Kedai dan Plaza Tol Perling)

Bilangan ini akan ditambah sebanyak 11 buah lagi pada tahun 2015. Selain itu, Kerajaan juga telah menetapkan sasaran 65% penggunaan sistem kutipan tol secara elektronik (ETC) bagi lebuhraya dalam bandar dan 53% lebuhraya antara bandar. Ianya adalah sebagai usaha dalam mencapai sasaran untuk mengaplikasikan penggunaan Sistem Bayaran Tol Secara Elektronik (ETC) sepenuhnya di lebuhraya pada tahun 2018.

- IV. Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Pelaksanaan Pengurusan Lalu lintas antara LLM dan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang bertujuan mencari jalan penyelesaian terbaik dan pendekatan terbaru bagi membantu mengurangkan kesesakan lalulintas di dalam bandaraya dan rangkaian lebuhraya sekitar Kuala Lumpur.



## PERUBAHAN LANDSKAP EKONOMI GLOBAL

14. YAB Perdana Menteri telah mengumumkan beberapa langkah proaktif supaya pertumbuhan, pembangunan dan sasaran defisit fiskal negara dapat diteruskan berikutan perubahan landskap ekonomi global pada 20 Januari 2015. Kerajaan yakin keluaran dalam negara kasar (KDNK) negara akan berkembang antara 4.5 hingga 5.5 peratus pada tahun 2015. Tiga strategi utama telah diumumkan bagi memastikan ekonomi Malaysia memiliki daya tahan untuk berdepan dengan percaturan ekonomi antarabangsa ekoran kejatuhan harga minyak mentah di pasaran dunia.

15. **Strategi pertama** adalah bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang seimbang, inklusif dan mampan dengan merencanakan eksport barangan serta perkhidmatan. **Strategi kedua** adalah meneruskan reformasi fiskal dan konsolidasi dengan menggalakkan syarikat mendaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia bagi meningkatkan hasil menerusi kutipan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST). **Strategi ketiga** adalah dengan menyediakan bantuan kepada rakyat dan komuniti perniagaan bagi membina semula infrastruktur yang terjejas akibat banjir. Anggaran terkini kemusnahan infrastruktur mencecah hampir RM2.9 bilion.

16. Bagi langkah merasionalisasi perbelanjaan pula, kerajaan akan mengoptimumkan perbelanjaan ke atas bekalan dan perkhidmatan, penganjuran majlis dan mesyuarat serta perkhidmatan profesional yang memberi penjimatan sebanyak RM1.6 bilion.

## **PENUTUP**

Hadirin yang dihormati sekalian,

17. Bagi mengakhiri ucapan, saya ingin menyeru dan mengingatkan warga LLM supaya sentiasa berusaha untuk mengekalkan momentum kecemerlangan dan berkualiti dalam memberikan perkhidmatan terbaik. Kita tidak boleh leka terutamanya dengan keadaan global pada masa kini yang kian berubah. Masa yang kita ada tidak panjang dan kadangkala terlalu singkat

WabillahiTaufiqWalhidayahWassalamu"Alaikum WarahmatullahiWabarakatuh.